

SEKOLAH KEBANGSAAN SRI AMAN
MODUL PENDIDIKAN SENI VISUAL TAHUN 4
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR)

1. UNSUR-UNSUR SENI

Sangat penting dalam penghasilan karya

Karya seni yang baik adalah hasil gabung jalin antara unsur seni dan prinsip rekaan.



A. GARISAN


Cantuman ialah cantuman satu siri titik Garisan ialah cantuman dari satu titik ke titik yang lain dengan mempunyai jarak-jarak tertentu. Aplikasi berbagai jenis garisan dapat mencipta rupa, jalinan, ton, corak serta menimbulkan gambaran bentuk, ruang dan gerakan dalam seni visual.

2. Jenis-jenis garisan

Garisan boleh dihasilkan berdasarkan penggunaan bahan atau teknik

- Pen marker – garisan tebal
- Pensel - garisan halus
- Berus - garisan kasar

2. Garisan pada objek alam sekeliling



3. Garisan pada objek buatan manusia



4. Kajian kesan garisan

a. pelbagai bahan

pelbagai alat dan bahan memberikan kesan garisan yang berlainan jenis.



b. Pelbagai teknik


Pelbagai teknik dalam penghasilan garisan juga akan memberi kesan



Garisan dan corak dalam objek alam



ton garisan menimbulkan bentuk
garisan berupaya menimbulkan bentuk dengan menggunakan ton garisan




Garisan dan Ruang - garisan dalam hasil kerja 2D dapat mewujudkan kesan ruang seperti dalam gambar



B. RUPA

Hasil daripada pertemuan hujung garisan dengan permulaannya. Garisan yang tidak bertemu permulaan dan hujungnya tidak membentuk rupa.



1. Jenis-jenis rupa

a. Rupa geometri

-rupa yang mempunyai sudut seperti bulatan, oktagon, segi tiga, segi empat dan lain-lain rupa




b. Rupa organic

- merujuk kepada rupa bebas yang tidak dapat diukur sudutnya contoh



2. Mengenal rupa

a. rupa dalam objek buatan manusia



b. rupa dalam objek alam sekeliling



3. Rupa positif dan negatif

a. rupa positif - ialah rupa sesuatu objek yang terletak di dalam satu kawasan tertentu



b. Rupa negative - ialah ruang disekeliling rupa objek tersebut



4. Rupa dalam aktiviti mencorak

a. Corak yang dihasilkan daripada rupa positif dan negative



Motif bunga merupakan rupa positif dan warna latar merupakan rupa negatif

5. Rupa dan lambang

- rupa boleh diolah menjadi lambang, simbol atau jenama sesebuah syarikat, persatuan atau pertubuhan



6. Rupa muka taip - boleh diolah untuk menghasilkan pelbagai gaya



C. BENTUK

- Bentuk mempunyai keluasan, ketinggian, jisim dan biasanya bentuk mempunyai lebih daripada satu permukaan. Bentuk mempunyai struktur dalaman.

-Gabungan daripada rupa dapat menghasilkan bentuk.

Bentuk terbahagi kepada dua jenis iaitu

a. bentuk konkrit / nyata

b. bentuk ilusi



a. Bentuk konkrit - merupakan struktur binaan dalam 3D yang dapat dilihat dan dirasa pada permukaan



b. Bentuk ilusi - merupakan bentuk yang wujud malalui kemahiran penggunaan unsur seni seperti garisan dan warna. bentuk ilusi tidak dapat dipegang, hanya boleh dirasakan kewujudannya.



7. Cara menimbulkan bentuk ilusi dalam hasil karya



Cara menimbulkan bentuk ilusi dalam karya.

- a. Teknik lorekan
- b. Teknik garisan,
- c. Teknik kolaj
- d. Teknik cetakan
- e. Teknik catan

D. RUANG

- Ruang merupakan kawasan yang dikelilingi oleh garisan, atau kawasan kosong di sekeliling objek, atau jarak antara dua objek



- ruang juga wujud dalam **gambar bersifat 2 Demensi**



- ruang ini hanya dapat dilihat atau dirasa kewujudannya.
- Objek yang berada di hadapan lebih jelas dan lebih besar berbanding dengan objek sama saiz yang berada di bahagian belakang.

- Manakala dalam karya seni visual, ruang diwujudkan melalui kekuatan gubahan warna, jalinan, rupa dan bentuk.

1. jenis-jenis ruang- terbahagi kepada 2

- a. ruang nyata / fizikal
- b. ruang ilusi / tampak

a. ruang nyata/ fizikal - merupakan ruang yang terdapat di persekitaran

- * ruang terbuka - kawasan lapang / luas
- * ruang tertutup - kawasan sempit / terhad



b. ruang ilusi - merupakan ruang yang dihasilkan dalam karya seni visual seperti lukisan, catan dan rekaan grafik



Perhubungan ruang dan bentuk

- * ruang dapat mempengaruhi saiz dan warna pada jarak tertentu.
- * nilai warna akan berubah mengikut jarak ruang

Ruang saiz dan perspektif



Perspektif ialah perubahan saiz, jarak dan warna objek dilihat dari jarak jauh

- * Garisan grid digunakan dalam lukisan untuk menimbulkan ilusi 3 D melalui 2 cara iaitu
- * perspektif satu titik lenyap
- * perspektif dua titik lenyap



Gambar satu titik lenyap



Gambar dua titik lenyap


E. WARNA

- Warna adalah tindak balas cahaya ke atas permukaan atau objek di dalam sekeliling.

1. jenis-jenis warna


* warna terbahagi kepada 3 tiga kumpulan utama iaitu :-

1. **warna asas**
2. **warna sekunder**
3. **warna tertier**



1. Warna Asas

* warna asas ialah warna utama yang tidak boleh dihasilkan melalui campuran warna lain, tetapi boleh menghasilkan warna sekunder dan warna tertier.



WARNA ASAS

1. biru
2. merah
3. kuning

2. Warna Sekunder

- * campuran dua warna asas
- * warna hijau, ungu dan jingga

Warna asas	+	Warna asas	=	Warna sekunder
yellow	+	blue	=	green
blue	+	red	=	purple
red	+	yellow	=	orange

(WARNA ASAS + WARNA ASAS = WARNA SEKUNDER)

KUNING + BIRU = HIJAU

BIRU + MERAH = UNGU

MERAH + KUNING = JINGGA

3. Warna Tertier

warna tertier terhasil daripada campuran satu warna asas dengan satu warna sekunder

Warna Asas	+	Warna sekunder	=	Warna Tertiier
biru	+	ungu	=	biru + ungu
merah	+	ungu	=	merah + ungu
merah	+	jingga	=	merah + jingga



(WARNA ASAS + WARNA SEKUNDER = WARNA SEKUNDER)

BIRU + UNGU = BIRU UNGU

MERAH + UNGU = MERAH UNGU

MERAH + JINGGA = MERAH JINGGA

3. Warna Neutral

Warna neutral ialah warna yang tidak tergolong dalam warna asas, sekunder dan tertier. iaitu warna hitam dan putih serta campuran kedua-keduanya.



4. Nilai Warna

a. Ton warna

- * ton warna ialah nilai kecerahan dan kegelapan sesuatu warna
- * Diperolehi melalui campuran sesuatu warna dengan warna hitam atau putih



5. Gubahan Warna

a. Sewarna

- * Sewarna ialah gubahan yang menggunakan satu warna dalam beberapa ton (monokrom)
- * ia terhasil melalui campuran warna putih untuk kesan terang dan hitam untuk kesan gelap




a. Warna Harmoni / Warna Sekeluarga

- * ialah sekumpulan warna yang terletak sebelah menyebelah dalam roda warna.
- * mempunyai hubungan warna, ton dan suhu warna yang sama



b. Warna penggenap / Bertentangan

* ialah sekumpulan warna yang terletak bertentangan dalam roda warna




6. Suhu Warna

* Suhu warna ialah kumpulan warna yang mempunyai kesan pancaran cahaya panas atau sejuk

a. warna panas - kelihatan garang

b. warna sejuk - kelihatan tenang dan redup



a. Warna panas

* warna yang mempunyai kesan cahaya yang tinggi
* warna yang berupaya memberi kesan terang dan garang




b. Warna sejuk

- * warna yang mempunyai kesan cahaya yang rendah
- * warna yang berupaya memberi kesan redup, tenang dan damai serta sejuk mata memandang.



7. Warna Bertindak

- * warna bertindak ialah warna yang akan menimbulkan kesan pantulan warna yang berbeza apabila bertemu dengan warna latar yang berlainan.




Warna bertindak yang menimbulkan kesan yang berbeza apabila bertemu dengan latar yang berlainan.

contoh warna bertindak terhadap warna muka taip



8. Perspektif Warna

- * Perspektif warna ialah gubahan warna yang dapat melahirkan kesan ilusi ke atas hasil karya dengan perubahan ton warna
- dekat gelap
- jauh cerah



Warna membawa maksud atau pengertian tertentu mengikut budaya.



Kuning – warna di Raja atau kecermerlangan
Merah – Berani, kemakmuran, bahaya
Hijau - Segar, subur
Putih – suci, kerohanian, keharmonian

Warna membawa maksud atau pengertian tertentu mengikut budaya setempat



Hitam- kesedihan, kepilaan
Biru – kedamaian, ketenangan, romantik

9. Warna dan Budaya

- * Masyarakat Malaysia menyamakan warna dengan objek alam sekeliling

Contoh:

1. Merah jambu
2. Biru laut
3. Hijau pucuk pisang

4. Kuning langsat



G. JALINAN

Jalinan ialah **sifat permukaan yang terdapat pada sesuatu objek** dan boleh dikesan secara penglihatan (tampak) atau sentuhan.

Jalinan pada permukaan objek alam sekeliling dan objek buatan manusia mempunyai kesan tampak yang berbeza.

Tuhan menjadikan setiap objek alam dengan jalinan tertentu untuk manusia memikirkannya. Setiap jalinan mempunyai fungsi dan nilainya tersendiri. Jalinan merujuk kepada kesan yang terdapat pada permukaan sesuatu objek. Ia dapat menunjukkan kesan rasa dan ekspresi sesuatu objek kepada kita.

Jalinan terbahagi kepada dua iaitu;

- jalinan sentuh** - Jalinan sentuh ialah jalinan yang dapat dirasai melalui sentuhan, contohnya kulit buah durian (alam semula jadi) dan jahitan sulaman (alam buatan manusia).
- jalinan tampak**. Jalinan tampak pula jenis jalinan yang hanya dapat dilihat tetapi tidak dapat dirasa melalui sentuhan.



2. ELEMEN DAN PRINSIP REKAAN

Prinsip rekaan adalah kaedah atau pengolahan unsur seni untuk menimbulkan gambaran tertentu dalam gubahan seni visual.

Prinsip rekaan terbahagi kepada tujuh iaitu:

A. Harmoni

1. Prinsip rekaan dalam karya seni tampak seperti unsur-unsur harmoni boleh diwujudkan dalam karya lukisan yang bertemakan alam semula jadi.
2. Harmoni dalam konteks seni visual dapat ditonjolkan apabila wujudnya susunan ataupun ulangan unsur-unsur seni yang sesuai, seimbang dan menarik.
3. Sebagai contohnya, keseragaman bentuk serta kepelbagaiaan saiz yang terdapat pada bahagian tubuh serta sayap seekor rama-rama akan menimbulkan kesan yang lebih harmoni, menarik serta seimbang.
4. Penggunaan unsur-unsur harmoni dalam sesuatu hasil karya adalah bertujuan untuk menarik perhatian serta dapat menimbulkan nilai-nilai estetika.

Harmoni pada karya alam semula jadi:



Warna-warna pada daun yang seakan menampakkan persamaan dan warna boleh mewujudkan ton. Contohnya daun muda adalah lebih cerah berbanding dengan warna yang terbentuk pada daun-daun yang lebih tua .Melalui contoh lukisan di atas, penggunaan ton semasa mewarna daun akan dapat menimbulkan kesan keselesaan, keseragaman serta kesatuan pada objek yang dihasilkan.

B. Kontra

Dalam prinsip rekaan seperti kontra, ianya mudah dikesan serta diwujudkan apabila salah satu daripada unsur-unsur seni (contohnya warna) mempunyai **ciri-ciri yang menunjukkan pertentangan antara satu sama lain** untuk memberikan kesan yang menarik pada sesuatu karya yang telah dihasilkan.

Dalam erti kata lain, kontra adalah berkait rapat dengan prinsip rekaan seperti **penegasan**, iaitu lebih tinggi kadar kontra, maka lebih menyerlah penegasan dalam sesuatu karya seni yang dihasilkan.

Kontra boleh wujud melalui **perbezaan saiz, warna, bentuk, rupa, jalinan dan garisan**.



Contoh karya di atas adalah merupakan cara penggunaan kontra dalam karya **Catan**.

Kontra digunakan dengan tujuan untuk mewujudkan kesan pertentangan serta membangkitkan suasana. Oleh yang demikian, penggunaan unsur kontra dalam sesuatu karya secara kurang terancang akan menghasilkan suasana bercelaru serta nilai-nilai estetik yang kurang menyerlah.

C. Penegasan



Mengetahui Unsur Penegasan dalam Objek Alam Semula jadi.

Salah satu aspek terpenting dalam prinsip-prinsip rekaan seni adalah aspek penegasan. Penegasan dalam konteks Pendidikan Seni Visual adalah merupakan sesuatu yang boleh memberi tumpuan kepada **pemerhatian tampak**.

Penegasan pada sesuatu objek pada alam semula jadi dapat berfungsi dengan sepenuhnya sekiranya objek tersebut dapat menarik perhatian seseorang apabila melihat atau memerhati objek tersebut.

Penegasan sememangnya dapat menonjolkan sesuatu unsur atau objek dalam sesuatu hasil karya yang dapat menarik perhatian.

Melalui gambar foto yang disertakan di atas, jelas kelihatan bahawa unsur dan objek yang dapat memberi gambaran sebenar tentang prinsip penegasan melalui penghasilan warna garang (warna merah) yang terdapat pada objek bunga tumbuhan tersebut.

Bunga yang sedia ada mempunyai warna yang kontra jika dibandingkan dengan daun, dan ini menunjukkan wujudnya unsur penegasan. Oleh yang demikian, dalam sesuatu hasil karya yang baik, penggunaan warna yang betul serta sesuai dapat **memberi unsur penegasan terhadap objek yang dihasilkan** di samping kedudukan objek yang diletakkan pada bahagian hadapan.

Seseorang pengkarya yang baik, langkah utama yang beliau harus fikirkan adalah memastikan adanya penggunaan prinsip-prinsip rekaan dalam sesuatu karya yang dihasilkan bukan sahaja prinsip penegasan, malah melibatkan prinsip-prinsip rekaan yang lain seperti keseimbangan, kontra, kepelbagaiannya dan sebagainya kerana aspek-aspek tersebut secara tidak langsung dapat membantu dalam penghasilan kerja seni yang baik serta bermutu.

D. Imbangang

Imbangang juga merupakan prinsip rekaan.

Imbangang bermaksud **kesamaan dan kesepadan** dari **segi berat, tarikan dan tumpuan**.

Imbangang boleh dibahagikan kepada dua iaitu:

1. *Imbangang simetri*
2. *Imbangang tidak simetri.*

1. IMBANGAN SIMETRI

Imbangang simetri ialah unsur seni yang **sama antara kiri dan kanan atau atas dan bawah** (garisan ‘axis’ dilukis di tengah-tengah pembahagian tersebut).

2. IMBANGAN TIDAK SIMETRI.

Imbangang tidak simetri ialah **unsur seni tidak sama di kedua-dua bahagian** tetapi mempunyai ciri-ciri yang menimbulkan kesan keseimbangan.

Contoh prisip rekaan imbangan dapat dirujuk dibawah.




E. Irama dan pergerakan

Irama dan pergerakan berfungsi untuk *memberi kesan lebih hidup dan realistik* terhadap sesuatu gubahan.

Pergerakan ialah :

1. keadaan : *bergetar, bergoyang, berayun, berpancar, bersinar-sinar dan sebagainya.*
2. Kesan: *angin, air, ombak, taufan dan sebagainya.*

Ita dapat dijelaskan dengan gambar rajah dibawah.



F. Kepelbagaiuan

Kepelbagaiuan wujud hasil penggunaan *pelbagai gaya, nilai, dan idea yang berbeza* dalam sesuatu gubahan.

Kepelbagaiuan juga dapat **memberi gaya, variasi, tenaga, dan daya tarikan** dalam sesuatu gubahan.

Kepelbagaiannya dapat dihasilkan melalui penggunaan unsur seni seperti ***garisan, rupa dan warna*** yang pelbagai dalam sesuatu gubahan.



G. Kesatuan

Prinsip rekaan kesatuan bermaksud satu ***tema atau satu idea*** bagi semua unsur dalam sesuatu gubahan.

Kesatuan dapat menimbulkan ***suasana yang tenteram, teratur dan selesa***.

